

Ciri-ciri Islam Liberal dan Liberalisme

Received: February 6, 2021; ■ Revised: April 18, 2021; ■ Accepted: May 19, 2021

*Email Penulis: atiullah@fsk.upsi.edu.my

Muhammad Atiullah bin Othman¹.

Sulaiman Dorloh²

Abstrak

Objektif Kertas ini menumpukan kepada ciri-ciri Islam Liberal dan Liberalisme yang diperbahaskan dan dibincangkan di Malaysia, khususnya dalam rumpun Melayu Muslim. Tujuan kertas kerja ini adalah membahaskan pemikiran utama Liberalisme dan menjawab tohmahan yang ditimbulkan oleh kumpulan Liberalisme. Kertas ini tidak berhasrat untuk menunjukkan figur-figur pemikiran yang bekerjasama dengan Liberalisme di Malaysia.

Metodologi Metode kajian yang digunakan dalam artikel adalah analisis dokumen dengan meneliti penulisan-penulisan kontemporari di Malaysia, dan analisis kritis dengan menjawab salah faham yang ditimbulkan oleh Liberalisme. Dengan cara ini, artikel ini lebih menumpukan karya-karya yang telah mengkritik Liberalisme di Malaysia dari sudut pemikiran, penghujahan dan jawapan yang berkaitan dengan isu-isu yang ditimbulkan oleh golongan Liberalisme di Malaysia.

Hasil Dapatan Hasil tulisan ini akan lebih menumpukan terhadap penghujahan-penghujahan yang dilakukan golongan Liberalisme dan jawapan balas terhadap penghujahan-penghujahan tersebut. Antara hujah Liberalisme di Malaysia adalah falsafah kebebasan, maqasid syariah versi liberalisme, tafsiran al-Quran secara hermeneutik, menempatkan semula agama di bawah demokrasi dan sekularisme, dan menolak syariat Islam.

Sumbangan Artikel ini secara langsung menyetujui fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengenai Islam Liberal yang tersasar dari agama. Oleh demikian, gerakan Islam Liberal dan Liberalisme hendaklah diawasi and hujah mereka hendaklah dicermati. Malah, penghujahan menghadapi Liberalisme perlu pendekatan Usul Fekah iaitu menjunjung al-Quran dan al-Sunnah dan diikuti hujah yang rasional dan ilmiah.

Kata Kunci: Islam Liberal, Liberalisme, Jaringan Islam Liberal, Malaysia.

¹ Ph.D. (Usuluddin dan Falsafah), Prof Madya, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

² Ph.D. (Undang-Undang), Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Email: dsulaiman@fsk.upsi.edu.my

Islam Liberal and Liberalism Characteristic

Received: February 6, 2021; ■ Revised: April 18, 2021; ■ Accepted: May 19, 2021

*Author Email: atiullah@fsk.upsi.edu.my

Muhammad Atiullah bin Othman¹.

Sulaiman Dorloh²

Abstract

Objective This paper focuses on liberal characteristics and liberalism in Islam which has been debated and discussed in Malaysia, particularly amid Malay Muslim kinship. The purpose of this paper is to discuss the main thoughts of liberalism and to retort allegations raised by the Liberal group. This paper does not intend to show the theorists who consolidate with Liberalism in Malaysia.

Methodology The approach to this article is through document analysis by examining contemporary literatures, and critical analysis by responding to misconceptions procured by Liberalism. As such, this article focuses farther on liberalism critiques in Malaysia in terms of thinking, argumentation and ripostes related to issues broached by the Liberals in Malaysia.

Research Findings The findings of this article focuses more on the contentions made by the liberal faction and responses to these arguments. Among the impelling liberal petitions in Malaysia are regarding philosophy of freedom, Liberalism's version of *Syariah* goals (*maqasid syariah*), hermeneutic interpretation of the Qur'an, relocating religion under democracy and secularism, and rejecting Islamic law.

Applications This article wholly ratifies the laws (fatwa) laid by the Indonesian Clerics Council (MUI) and Malaysian Islamic Development Department (JAKIM) regarding liberals in Islam who digressed from religion. Therefore, the Liberal Islamic movement and Liberalism must be scrutinized and their arguments must be studied. Likewise, the response against Liberals critics needs Usul Fiqh's approach, which upholds the Qur'an and Sunnah, and abiding by rational and scientific arguments.

Keywords: Islam Liberal, Liberalism, Liberal Islam Network, Malaysia.

¹ Ph.D. (Usuluddin and Philosophy), Associate Professor, Faculty of Humanities, Sultan Idris Education University, Malaysia.

² Ph.D. (Law), Assistant Professor, Faculty of Humanities Sultan Idris Education University, Malaysia.
Email: dsulaiman@fsk.upsi.edu.my

Pengenalan

Penggunaan istilah “Islam Liberal” adalah begitu asing dalam dunia Islam sebelum kurun ke-21. Istilah ini mula diperkenalkan oleh Charles Kurzman pada 1998 dalam karyanya yang berjudul *“Liberal Islam: A Sourcebook”* terbitan Oxford University Press. Begitulah seterusnya apabila diperkenalkan, kandungan dan metode “Islam Liberal” belum dikenali secara jelas. Buku ini tidaklah membawa kerangka yang tetap mengenai istilah penggunaan “Islam Liberal” dan hanya memuatkan artikel-artikel yang cenderung kepada idea perubahan dalam dunia Islam. Buku ini juga memuatkan artikel yang menjadi kontroversi iaitu *“al-Islam wa usul al-Hukm”* karya ‘Ali ‘Abdul Raziq dan mengemukakan tokoh termasyhur zaman sekarang iaitu Dr.Yusuf al-Qardawi. Nama tokoh-tokoh lain dikaitkan dengan “Islam Liberal” dimuatkan dalam laman websitenya: <http://www.unc.edu/~kurzman/LiberalIslamLinks.htm>.

Pengistilahan “Islam Liberal” terus dimanfaatkan oleh golongan yang mendakwa inginkan kemajuan dan kemodenan melalui website Jaringan Islam Liberal (JIL). Walaupun kerangka pemikiran Islam Liberal masih lagi kabur, pemikiran ini sebenarnya merujuk kepada istilah “Liberal” yang bererti kebebasan yang merupakan tunjang utama pemikiran Barat ketika ini. Pemikiran liberalisme Barat meletakkan ketertinggian kehidupan manusia; apa yang baik bagi manusia adalah diterima dan

sebaliknya apa yang tidak baik, ditolak. Dasar Liberalisme yang mengetengahkan kebajikan untuk semua yang turut diterima oleh masyarakat antarabangsa (Barton, 1999: 527-528, Muhammad Nazreen 2012: 189-190).

Pada 28 Julai 2005, Majelis Ulama Indonesia (MUI) telahewartakan pengharaman Islam Liberal melalui tiga istilah yang diharamkan dikaitkan dengan Islam Liberal iaitu “Pluralisme”, “Sekularisme” dan “Liberalisme”. Tampaknya, Majelis Ulama Indonesia (2010: 96-97) tidaklah mengharamkan Islam Liberal berdasarkan istilah “Islam Liberal” tetapi lebih cenderung mengaitkan pengharamannya melalui empat istilah iaitu Pluralisme, Pluralitas agama, Liberalisme agama dan Sekularisme agama.

Setahun selepas fatwa pengharaman Islam Liberal ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM 2009: 15-17) pulaewartakan pengharaman pemikiran liberal melalui Muzakarah Kali Ke-74 pada 25-27 Julai 2006 memutuskan bahawa gerakan pemikiran liberal mengandungi fahaman-fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah. Dari aspek akidah, faktor penyelewengan adalah berpegang kepada konsep pluralisme, akal manusia merupakan wahyu dan meragui ketulenan al-Qur’an. Manakala dari aspek syariah, faktor penyelewengan adalah mempersoalkan metodologi pentafsiran al-Qur’an dan al-Hadith, menggesa tafsiran baru, mempertikaikan kriteria dan akhlak kenabian,

sikap terhadap ilmu-ilmu Islam dan sikap terhadap hukum.

Oleh demikian, kertas ini membincangkan mengenai ciri-ciri Islam Liberal dan Liberalisme yang dapat dikenali berdasarkan karya-karya kontemporari. Namun demikian, penulis dengan sengaja tidak menyatakan figur-figur tertentu yang membawa idea Liberalisme ini agar tidak menimbulkan kontroversi yang berpanjangan. Kritikan hanya tertumpu dan fokus pada idea yang terdapat dalam ciri-ciri Liberalisme, bukan kritikan terhadap batang tubuh yang membawa idea-idea Liberalisme.

Liberalime dan Falsafah Kebebasan Individu

Fenomena fahaman Liberalisme yang diveduk dari Barat dan digunakan oleh sarjana-sarjana Muslim bukanlah baru. Siddiq Fadzil (2009) berpandangan bahawa sikap mengkagumi Barat bukan hanya fenomena awal abad ke-20 dengan tokoh-tokohnya seperti Kamal Atatürk, Taha Husayn, Sir Syah Ahmad Khan dan ‘Ali ‘Abd al-Raziq tetapi melanjut hingga ke awal abad ke-21.

“Liberalisme” dari sudut istilah bersandarkan kepada konsep kebebasan. Al-Qardawi (1993: 46) menyebut kebebasan individu merupakan salah satu unsur Liberalisme. Begitu juga Mohammad Kamil et.al. (2012: 141) menyebut isu kebebasan mutlak juga merupakan unsur Liberalisme. Malah, Liberalisme melahirkan pandangan kebebasan

mutlak. Justeru, Mohammad Kamil *et al.* (2012: 123) mendefinisikan Liberalisme adalah satu falsafah yang meletakkan kebebasan individu sebagai nilai politik yang tertinggi. Mohd Nasir Umar (2012: 7) juga menyebut Liberalisme adalah prinsip liberal dari sudut sosial dan politik. Isu utama adalah permusuhan antara agama dan negara, demokrasi, hak-hak kaum wanita dan golongan minoriti, kebebasan berfikir dan gagasan tentang kemajuan.

Begitu juga gerakan Islam Liberal adalah berteraskan kepada kebebasan. Mazlan & Achmad (2010: 6) menyebut kefahaman kumpulan ini mendasari tindakan kebebasan dengan menjelaskan bahawa wacana Islam adalah tertutup dan satu-satunya pilihan adalah “al-Rahmah”. Indriaty (2012: 91) pula menjelaskan kebebasan berfikir dan ijtihad adalah merupakan salah satu ciri-ciri Islam Liberal.

Khalif (2009: 84-85) pula memberi tumpuan kepada Jaringan Islam Liberal (JIL) yang menjadikan Liberalisme menjadi kebenaran mutlak. Misalnya, koordinator JIL iaitu Hamid Basaib menjelaskan Sekularisme sahaja yang akan menjamin kebebasan bersuara, pluralisme dan hak asasi manusia. Sebaliknya, Islamis akan menghancurkan hak asasi manusia dan pluralisme. Khalif (2009: 21, 75) juga menyatakan kelompok Islam Liberal menggambarkan dua pilihan antara Barat yang moden dan agama yang dilihat kolot. Justeru, hipotesis Liberalisme adalah pertama;

kebebasan bermakna kebahagiaan dan kebaikan, dan kedua; agama mengikat dan membelenggu manusia.

Oleh itu, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM (2012: 183) menyebut antara agenda pemikiran Jaringan Islam Liberal adalah memperjuangkan kebebasan pendapat secara mutlak iaitu hak untuk mengeluarkan pandangan mengenai agama tidak semestinya terletak di tangan ulama kerana pandangan mereka tidak semestinya tepat; malah menggesa menggunakan akal atau rasional dalam pentafsiran mengenai Islam.

Mohammad Kamil *et al.* (2012: 1) menjelaskan bahawa kebebasan merupakan senjata Sekularisme-Kapitalisme yang berusaha melakukan penjajahan epistemologi pemikiran umat Islam. Justeru, ia digunakan bagi mengekalkan penguasaan dan dominasi kuasa Barat. Kesannya, ramai individu mulai keliru dengan tuntutan agama dan merasakan bahawa agama dianggap sebagai halangan kepada kemajuan.

Kebebasan individu merupakan tunjang utama dalam pemikiran Islam Liberal dan Liberalisme di Malaysia. Kebebasan yang dimaksudkan di sini adalah kebebasan menggunakan akal. Bahkan, golongan Liberalisme mendakwa istilah Liberal bukan merujuk kepada kebebasan tetapi merujuk kepada penggunaan akal tanpa batasan.

Maqasid Aqliyyah Sebagai Senjata

Liberalisme

Perlu diperingatkan, walaupun *maqasid shar'iyah* sememangnya wujud dalam ilmu usul fekah, golongan liberal telah menggunakannya dengan secara meluas hampir semua bidang sehingga menafikan nas dan hukum syarak. Para pengkaji gerakan Islam Liberal telah menyedari bahawa kumpulan ini menggunakan metode *maqasid shar'iyah* versi Islam Liberal seperti diperkatakan Khalif (2009: 134), Mazlan & Achmad (2010: 6), Mohammad Kamil *et.al.* (2012: 232) dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM (2012: 191).

Khalif (2009: 134) menjelaskan telah wujud gerakan untuk meliberalkan “fiqh maqasid”. Mazlan & Achmad (2010: 6) pula menjelaskan golongan Islam Liberal menggunakan “fiqh al-Maqasid Imam al-Shatibi” tanpa batasan sama sekali dengan menggunakan hujah sejagat, inklusif dan rahmat untuk semua. Maksud inklusif di sini adalah penyertaan semua golongan tanpa mengira latarbelakang agama. Mohammad Kamil *et.al.* (2012: 232) pula mengaitkan Islam Liberal menggunakan metode yang lebih bercirikan “maqasid shar'iyah” dan menolak tafsiran Islam secara literal. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM (2012: 192, 197) pula menyimpulkan atas asas “maslahat” dan “keadilan”, hukum faraid, hak penceraian dan poligami dipertikaikan. Contohnya dakwaan

Sister in Islam (SIS) yang menjelaskan poligami tidak mungkin mencapai matlamat kerana “keadilan” yang menjadi syarat tidak mungkin dipenuhi oleh suami.

Justeru, Muhammad Atiullah (2012: 11-12) mengkritik penggunaan *maqasid shar’iyyah* yang digunakan Islam Liberal dengan mengemukakan dua kesalahan iaitu:

Kesalahan Pertama: Menggunakan kaedah *maqasid* hukum yang tersendiri. Golongan ini bagaikan menggunakan *maqasid ash-shar’iyyah* atas dasar *maslahah* dan kepentingan umum. Hakikatnya, *maqasid* yang digunakan bukanlah *maqasid ash-shar’iyyah* kerana demokrasi, pluralisme, nilai-nilai universal, kebebasan agama, prinsip kebebasan dan kesetaraan bukanlah *maqasid* yang diletakkan syarak. Pendekatan sebegini adalah pendekatan yang digunakan oleh para penulis liberal PARAMADINA yang menyatakan bahawa *maqasid* liberal adalah pluralisme agama, ta’aruf dan kebebasan (Muhammad Atiullah & Mohd Noor 2011: 138)

Malah penggunaan *maqasid* jenis ini tanpa merujuk kepada hukum-hukum fekah adalah faktor utama pengharaman Majlis Fatwa Kebangsaan terhadap Islam Liberal. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (Muzakarah Kali Ke-74) (2009: 17) menyebut:

“Aliran pemikiran liberal ini mempunyai kaedah yang tersendiri apabila merujuk kepada hukum-hukum Fiqh

iaitu mengambil tujuan hukum bukan bentuk hukum.”

Kesalahan Kedua: Mengutamakan *maslahah* berbanding nas adalah tren penggunaan *maslahah* yang digunakan oleh golongan Sekular dan pendokong pemikiran Barat. Menurut Khalif (2009: 142), pendekatan liberal adalah membelakangkan nas atas nama *maqasid* yang bertujuan mengeluarkan hukum yang bersalahan dengan pandangan para ulama.

Hal ini telah dinyatakan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi yang menyebut bahawa ada golongan yang mendakwa mengambil peduli mengenai *maqasid ash-shar’iyyah* dan roh agama tetapi melupakan nas-nas al-Quran dan Sunnah yang sahih dengan mendakwa agama adalah *jawhar* (inti) bukan bentuk, dan hakikat bukan rupa. Jikalau menghalakan kepada mereka nas-nas yang jelas, mereka mengelak dan berdalih, menafsirkan yang melampau lampau, mengubah perkataan terkeluar dari sepatutnya, berpegang kepada ayat yang *mutashabihat* (yang tidak jelas) serta berpaling dari ayat yang muhkamat (yang jelas). Mereka adalah penyeru kepada *tajdid* (pembaharuan) sedangkan pada hakikatnya adalah penyeru (fahaman) Barat dan autokrasi (al-Qaradawi 1998: 228).

Golongan Liberalisme berpaut dengan beberapa figur agamawan yang sering menggunakan *maqasid* sebagai sandaran dalam penghujahan agama. Hampir setiap penjelasan agamawan yang dirujuk oleh golongan

Liberalisme menggunakan metode *maqasid*. Namun, oleh kerana pandangan mereka tidak merujuk kepada nas agama dan mengenyepikan prinsip dan Syariat Islam, pandangan mereka hanyalah *maqasid akliah* bukan *al-maqasid ash-shar'iyah*. Kemiripan istilah ini seringkali menyebabkan masyarakat umum diberi gambaran yang salah mengenai Syariat Islam. Contohnya seperti keharusan menyentuh anjing, keharusan memberi undi terhadap non-Muslim, menolak Syariat Islam terutamanya hukum hudud dan qisas.

Gagasan Mentafsir Semula Al-quran dengan Metode Tafsiran Hermeneutik

Ramai para pengkaji Islam Liberal beranggapan golongan Islam Liberal ingin melakukan penyelewengan tafsiran al-Qur'an dengan mengemukakan tafsiran baru dan menentang tafsiran al-Qur'an para mufassirin terdahulu. Idris (2012: 49) menyebut dakwaan Islam Liberal adalah al-Qur'an perlu ditafsir semula dengan menggunakan pendekatan baru. Ini memberi maksud tafsiran-tafsiran al-Qur'an yang telah diusahakan oleh ramai ulama tafsir perlu ditolak.

Mohammad Kamil *et al.* (2012: 218, 221) memperingatkan Islam Liberal mempunyai tujuan mengedit al-Qur'an. Mereka mengamalkan sikap kritis terhadap al-Qur'an, al-Sunnah dan fekah Islam atas dakwaan warisan turath bukan sakral (kudus) kerana turath merupakan kontekstual ulamak awal, monopoli

sarjana Islam dan merupakan authoritarian, pro-Arabian, amalan pratriakal dengan meminggir wanita, penindasan bukan Islam, elemen fundamentalis dan bersikap fanatik, menisbahkan kejahilan menggunakan fungsi akal dan terkesan isu-isu zaman silam.

Mazlan Ibrahim *et.al.* (2012: 21, 64) pula menyebut Islam Liberal menjelaskan penafsiran ahli Sunnah adalah kuno. Malah, wahyu hanyalah al-Qur'an, hadis, ijmak dan qias yang hendaklah digantikan dengan teori-teori sosial. Mazlan & Achmad (2010: 4, 19) mengingatkan tafsiran golongan Islam Liberal dalam "Fiqih Lintas Agama" telah mencadangkan tafsiran al-Qur'an yang lebih maju, inklusif dan jauh dari kesan jumud kerana salah satu matlamat "Fiqh Lintas Agama" adalah menggantikan tafsiran sedia ada dengan tafsiran baru iaitu hermeneutik.

Tafsir Hermeneutik

Dari segi bahasa, "Hermeneutik" berakar dari "Hermes" seorang dewa di langit bersama dengan manusia berada di bumi. (Ismail, 2012: 77). "Hermes" juga merupakan utusan para dewa di langit membawa mesej kepada manusia. Perkataan ini menghasilkan "hermeneuein", "hermeneis" dan hermeneutes iaitu hermeneuein" adalah mentafsir, "hermeneis" adalah pentafsiran dan "hermeneutes" adalah pentafsir (Mazlan & Achmad (2010: 39).

Tafsiran hermeneutik lahir dari dunia

Barat iaitu sejak zaman Renaisansence. Muhd Najib Abd. Kadir *et al* (2012: 107) menyebut sekitar abad ke-16 dan ke-17M, tafsiran penguasa agama mengenai hukum dan kebenaran dianggap sempit dan mengekang kemajuan. Gerakan liberisasi agama percaya masyarakat harus dibebaskan. Liberalisasi agama ialah satu gerakan yang memprotes kongkongan dan manipulasi kelompok agama terhadap kebebasan dan hak-hak asasi manusia.

Mohammad Kamil Ab Majid *et.al.* (2012: 157) menyimpulkan hermeneutik lahir dari Liberalisme mengikut pandangan Friedrich Schleiermacher yang menjelaskan bahawa semua teks adalah sama mengambil kira wahyu ataupun tidak. Pandangan ini berdasarkan masalah teks Barat yang tiada keyakinan terhadap teks-teks dan tiada seoranganpun yang menghafal teks-teks yang sudah hilang.

Mazlan Ibrahim *et.al.* (2012: 19, 62, 63) pula berpandangan hermeneutika adalah metode pentafsiran yang digunakan dalam mentafsir Bible. Hermeneutika juga merupakan cara gereja menafsirkan agama iaitu kaedah mengetengahkan akal. Kemudian, dikembangkan oleh ahli falsafah dan pemikiran Kristian yang berperanan memperbetulkan teks Bible dan tafsiran teks itu sendiri. Kemudian, cendekiawan Muslim pula menggunakannya sebagai metode alternative dalam ilmu tafsir untuk membatalkan dilalah al-Qur'an sedia ada untuk menggantikan dengan konsep sejarah. Metode tafsir hermeneutik ini mula diambil oleh

pemikir Islam adalah Nasr Hamid melalui مفهوم النص دراسة في علوم القرآن yang mengecam metode penafsiran berdasarkan al-Sunnah, para sahabat dan tabi'in.

Metode tafsir Hermeneutik adalah merupakan metode tafsir Islam Liberal. Idris (2012: 37) menyebut antara landasan perjuangan Islam Liberal adalah hermeneutik iaitu mengutamakan semangat religio-etik dan bukan makna literal teks. Indriaty (2012: 91, 92) pula menyebut hermeneutika adalah antara ciri-ciri Islam Liberal. Golongan liberal mengambil metode utama untuk menerima Sekularisme, Pluralisme, nilai-nilai humanisme (HAM) adalah dengan penafsiran semula teks agama secara hermeneutik dan rekonstruksi syariah.

Dengan menggunakan metode tafsir Hermeneutik, golongan Liberalisme sangat berani menggunakan akal mentafsir al-Quran, tanpa merujuk kitab tafsir yang muktabar dan menimbulkan kekeliruan terhadap ayat *muhkamat*. Keberanian mereka mentafsir sedemikian memanjangkan polemik keharusan mentafsir semula al-Quran yang bercanggah dari kitab tafsir muktabar. Setakat penulisan ini, usaha mentafsir semula al-Quran telah lama dilakukan oleh mereka, tetapi tiada lagi penerbitan tafsir al-Quran sepenuhnya. Cuma beberapa ayat al-Quran sahaja diwarwarkan untuk menimbulkan kontroversi di kalangan masyarakat Muslim.

Cadangan Liberalisme: Menempat Semula Agama Dalam Kerangka Demokrasi, Sekularisme dan Pluralisme

Al-Qaradawi (1993: 47, 49) pernah memperingatkan natijah paling bahaya dan kesan paling buruk dari Sekular adalah memisahkan Islam dari agama, kehidupan umum dan kepimpinan dengan menjelaskan bahawa agama adalah bagi Allah dan Negara adalah hak semua. Malah, golongan Sekular mendakwa pelaksanaan hukum Islam akan menafikan hak kenegaraan bagi semua. Ini merupakan penipuan yang jelas.

Al-Qardawi (1993: 50, 51) turut menolak wujud istilah pemisah yang memisahkan pemimpin Negara dan pemimpin agama. Hujahnya, nabi Muhammad sendiri merupakan pemimpin agama dan pemimpin negara. Khalif (2009: 194) menyenaraikan ayat al-Qur'an mengenai politik seperti kedaulatan syariah (Yusuf: 40, Nisa: 65, Maidah: 44), prinsip syura (Ali Imran: 159, al-Shura: 38), prinsip keadilan (al-Nisa: 58, Maidah: 8, Hadid: 25), prinsip kebebasan bersuara dan pendapat (al-Naml: 64, al-Nahl: 125, Yunus: 99), prinsip persamaan (al-Hujurat: 13) dan tanggungjawab pemimpin (Ali Imran: 104).

Dakwaan Sekular yang neutral terhadap agama adalah liberalisasi agama. Indriaty (2012: 93) menyebut Sekularisasi diertikan dengan liberalisasi agama iaitu sebagai sebuah usaha untuk membebaskan kehidupan manusia dari kawalan dan pengaruh agama. Begitu juga

pandangan Muhd Najib et.al (2012: 107) menyebut Sekular merupakan gerakan liberalisasi agama yang percaya masyarakat harus dibebaskan. Liberalisasi agama ialah satu gerakan yang memprotes kongkongan dan manipulasi kelompok agama terhadap kebebasan dan hak-hak asasi manusia. Oleh kerana itu, Khalif (2009: 21) menjelaskan bahawa Islam Liberal menggambarkan dua pilihan antara Barat yang moden dan agama yang dilihat kolot.

Mohammad Kamil et.al. (2012: 233) menyebut theologi Sekular adalah pegangan teologi Islam Liberal. Buktinya, Lutfi al-Shawkani menjelaskan bahawa Sekularisme tidak bercanggah dengan Islam sehingga memberi berkah kepada Islam dan agama-agama lain. Khalif (2009: 38, 190) menyebut sejak tahun 70-an lagi, Nurcholish Madjid (1939-2005) menyarankan Sekularisasi (*The Necessity of Renewing Islamic Thought and Reinvigorating Religion Understanding*) dlm Kurzman, *Liberal Islam*: 293, menjelaskan tiada politik Islam, ekonomi Islam dan pendidikan Islam. Ia juga merupakan dakwaan Fazlur Rahman yang menjelaskan bahawa Sekularisme adalah satu alternative untuk tidak terjebak dalam konservatisme yang kuat. Beliau juga menyarankan agar Sekularisme moden digabungkan dengan sumber-sumber Islam. Begitu juga dakwaan Ashghar Ali Engineer dalam "Islamic State. yang menentang keras Negara Islam yang diperjuangkan al-Mawdudi yang

mengadakan penafsiran terhadap agama dan syariah. Negara Islam dalam pandangan al-Mawdudi adalah Negara Teokrasi dan autotarisme iaitu ulama akan mereka secara kuku besi.

Malah, dakwaan demokrasi memerlukan Pluralisme agama merupakan dakwaan Islam Liberal. Mazlan & Achmad (2010: 23, 67) menyebut dakwaan agama hanya menjaga polisi moral dan etika bukan hukum syariat lalu mengajak Pluralisme agama merupakan dakwaan Islam Liberal. Pluralisme juga merupakan objektif Islam Liberal seperti diperkatakan Idris (2012: 36) yang menyenaraikan objektif Islam Liberal adalah:

1. Mengukuhkan kedudukan demokrasi melalui fahaman Pluralisme, Inklusivisme dan Humanisme.
2. Membangunkan agama atas dasar menghormati perbezaan agama.
3. Menjelaskan dan memperkenalkan agama dengan lebih terbuka dan lebih berperikemanusiaan.

Khalif turut menyebut tiga makna Pluralisme agama iaitu kepelbagaian agama, dialog antara agama dan penerimaan kebenaran agama lain. Tiga makna ini merupakan tahap perkembangan makna Pluralisme. Tahap pertama adalah toleransi, tahap kedua adalah inklusif iaitu agama lain juga benar dan semua agama dalam satu kerangka, dan tahap ketiga adalah partisipasi iaitu berkongsi agenda dan matlamat (Khalif, 2009: 207-208). Makna ketiga,

tahap kedua dan tahap ketiga Pluralisme ini ditolak oleh para sarjana Islam kerana fahaman ini menerima semua agama adalah benar seperti Wan Salim (2009: 56), Siddiq Fadzil (2009: xii), Latifah *et al* (2012: 17) dan Mokhtar (2012: 152).

Oleh demikian, golongan Liberalisme seringkali mengangkat Sekularisme dan Pluralisme sebagai gagasan utama pemikiran mereka. Di tengah kancah perbahasan politik, mereka mengangkat keharusan Sekularisme menjadi dasar dalam perlembagaan negara Malaysia. Bahkan, mereka mencadangkan dasar Islam sebagai agama persekutuan Malaysia diketepikan.

Menolak Syariat Islam

Bukan semua pemikiran Barat berteraskan Liberalisme, tetapi pemikiran Liberalisme dewasa ini dianggap dominan. Liberalisme anutan beberapa sarjana Muslim pula mempertikaikan sumber hukum dan segala hukum hakam syariah. Mohammad Kamil *et.al*. (2012: 218) menyebut Islam Liberal mengamalkan sikap kritis yang melampau terhadap turath (al-Qur'an, al-Sunnah dan karya fiqh Islam). Mereka menjelaskan bahawa berpegang kepada turath akan menyebabkan kelemahan intelektual dan material umat Islam. Hujah penolakan warisan turath bagi mereka adalah kebanyakannya ijtihad ulama terawal, monopoli sarjana Islam dan merupakan authoritarian, pro-Arabian, bersikap pratriakal

dengan meminggir wanita, bentuk penindasan bukan Islam, mempunyai elemen fundamentalis dan bersikap fanatik, menisbakkannya dengan kejahilan tanpa menggunakan akal yang waras dan ketinggalan zaman.

Golongan Islam Liberal meletakkan wajah buruk terhadap syariat Islam. Khalif (2009: 21) menjelaskan bahawa Islam Liberal menggambarkan dua pilihan antara Barat yang moden dan agama yang dilihat kolot. Mohd Nasir (2012: 8) pula menyatakan Jaringan Islam Liberal mendakwa bahawa ilmu fiqh menyebabkan pemikiran radikal dan fundamentalis dalam isu Muslim dan non-Muslim. Idris (2012: 44) turut menyebut mereka berpandangan bahawa syariat yang didakwa pakej yang lengkap dan penyelesaian masalah adalah bentuk kemalasan berfikir atau lebih parah lagi merupakan cara lari dari masalah.

Golongan Islam Liberal juga berhujah bahawa syariat Islam bercanggah dari undang-undang antarabangsa lebih-lebih lagi berkaitan hak asasi manusia yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (Idris 2012: 54). Malah, mereka menjelaskan Syariat adalah tidak sesuai dan tidak adil dalam masyarakat majmuk, agama merupakan urusan peribadi dan perlu dipisahkan dari sistem bernegara (Mohd Nasir 2012: 10). Justeru, golongan liberal menjelaskan agenda perubahan dan modenisasi adalah sangat perlu dengan mengubah ajaran Islam (Khalif, 2009:

113, Mohd Nasir 2012: 8). Golongan Islam Liberal juga mahu membuang syariah dengan membuka pintu ijtihad (Idris 2012: 37, 54).

Indriaty (2012: 92) memperingatkan rekonstruksi syariah yang dilaksanakan oleh golongan liberal dengan memasukkan elemen Sekularisme, Pluralisme dan nilai-nilai Humanisme (HAM). Peringatan ini turut diperkatakan Mazlan & Achmad (2010: 23) bahawa Islam Liberal mendakwa agama hanyalah etika sahaja bukan agama hukum dan etika sekali yang merupakan dakwaan Sekular. Begitu juga Islam Liberal merekonstruksi syariat mempunyai elemen Pluralisme sebagaimana diperkatakan oleh Khalif (2009: 127-128) yang memdakwa sebagai inklusif-pluralis berasaskan premis doktrin sejagat, *rahmatan lil alamin* dan premis pewajaran tindakan liberalisasi hukum. Namun, Mohd Nasir Umar (2012: 9) menjelaskan rekonstruksi syariah ini berpaksikan teologi bersifat Pluralisme bukan inklusivisme.

Contoh teori dan praktikal rekonstruksi syariat Islam adalah karya “Fiqh Lintas Agama” yang diterbitkan oleh para penulis PARAMADINA. Mazlan & Achmad (2010: 16-19) menjelaskan matlamat Fiqh Lintas Agama adalah membebaskan umat Islam dari penjara fiqh, mencipta fiqh yang melahirkan semangat toleransi, mencipta fiqh yang adil terutamanya dalam isu ahli zimmah, fiqh menjadi sebab kepada kemunduran, kebodohan dan kezaliman, dan menggantikan tafsiran sedia ada

dengan tafsiran baru iaitu hermeneutik.

Begitu juga karya Abdullah Ahmad al-Naim dalam "Towards on Islamic Reformation" dan "Sharia and Basic Human Rights Concerns". Khalif (2009: 52, 115) menjelaskan al-Naim telah terpengaruh dengan Orientalist seperti Goldziher, Schecht dan Coulson. Beliau menyebut syariah tidak sesuai kerana ia merupakan produk zaman pertama dan kedua Hijrah, bertentangan dengan hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa. Mohamad Zaidi *et al.* (2009: 215-217) pula menyebut al-Naim bersikap bias kepada undang-undang antarabangsa dan mengenyepikan khazanah hukum Islam. Beliau menjelaskan teks-teks al-Quran dan al-Hadith period Madinah diketepikan kerana solidraiti eksklusif dan prinsip kesamaan ekstrem sebagai asas hubungan antara Muslim dan non-Muslim.

Bagi penulis, penolakan Liberalisme terhadap Syariat Islam tidaklah mengejutkan kerana golongan ini sentiasa mengeluarkan pandangan-pandangan yang bercanggah dari Syariat Islam, menimbulkan ketegangan dan kontroversi dengan golongan ulama dan gerakan Islam. Namun, perkara yang mengejutkan adalah kemunculan ilmun-ilmuan berlatar belakang agama yang mendokong pemikiran Liberalisme dan Islam

Liberal. Ia merupakan duri dalam daging yang menimbulkan kecelaruan di kalangan masyarakat Muslim. Justeru, perbincangan ilmiah yang berani dan tegas dari kalangan ulama dan gerakan Islam sangat diperlukan bagi menangkis tohmahan terhadap Islam, memulih keyakinan masyarakat Islam dan memperkukuhkan kredibiliti Syariat Islam.

Penutup

Ciri-ciri golongan liberal di Malaysia adalah mirip dengan ciri-ciri Islam Liberal dan Jaringan Islam Liberal. Wujud kesamaan ciri-ciri ini adalah kerana teras mereka yang sama iaitu Liberalisme, Sekularisme dan Pluralisme. Beberapa ciri-ciri Liberalisme di Malaysia telah dikenalpasti iaitu menggunakan falsafah kebebasan mutlak iaitu individualisme, menggunakan maqasid akliah seluas-luasnya dalam setiap bidang sehingga mengatasi nas dan syarak, mentafsir semula al-Qur'an dengan metode hermeneutik, mencadangkan kedudukan Islam di bawah kerangka Sekular dan pengamalan Pluralisme bagi menyama tarafkan Islam dengan agama-agama lain, dan menolak syariat Islam. Beberapa ciri-ciri Liberalisme yang tidak disertakan di sini kerana kekangan ruang iaitu golongan Islam Liberal menolak autoriti dan kepimpinan ulama, Feminisme, konsep negara Islam dan politik Islam.

Bibliografi

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM. (2012). Aliran Pemikiran Progresif dan Gerakan Liberal: Implikasinya kepada Islam di Malaysia. Dlm. Islam Liberal: Isu dan Reaksi. Hlm. 90-106.

Jabatan Agama Islam Selangor.

Barton, G. (1999). *Gagasan Islam Liberal di Indonesia*. Pustaka Antara.

Idris Zakaria. (2012). *Islam Liberal dan Penyimpangan Syariat*. Dlm. *Islam Liberal: Isu dan Reaksi*. Hlm. 35-58. Jabatan Agama Islam Selangor.

Indriaty Ismail. (2012). *Ciri-ciri Dan Asas-asas Utama Islam Liberal Dalam Pergerakan Sisters In Islam*. Dlm. *Islam Liberal: Isu dan Reaksi*. Hlm. 90-106. Jabatan Agama Islam Selangor.

Ismail Yusof. (2012). *Hermeneutika dan Hubungannya Dengan Pemikiran Islam Liberal*. Dlm. *Islam Liberal: Isu dan Reaksi*. Hlm. 76-79. Jabatan Agama Islam Selangor.

JAKIM. (2009). *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan*. Visual Print.

Khalif Muammar. (2009). *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Intitut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).

Kurzman, C. (1998). *Liberal Islam: A Sourcebook*. Oxford University Press.

Kurzman, C. (2002). *Modernist Islam: A Sourcebook*. Oxford University Press.

Latifah Abdul Majid, Mazlan Ibrahim, Muhd Najib Abd. Kadir, Jaafary Awang, Fadlan Mohd Othman, Azalina Tatar, Aizuddin Hakim Mohd Yusof. (2012). *Ancaman Inkisifisme Agama Terhadap Akidah Islamiyyah*. Dlm. *Islam Liberal: Isu dan Reaksi*. Hlm. 17-34. Jabatan Agama Islam Selangor.

Majelis Ulama Indonesia (MUI). (2010). *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia*. Sakretariat Majelis Ulama Indonesia.

Mazlan Ibrahim & Achmad Yaman. (2010). *Penyelewengan Tafsir al-Qur'an: Kritikan Terhadap Buku Fiqih Lintas Agama*. Penerbit UKM.

Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Muhd Najib Abd. Kadir, Jaafary Awang, Fadlan Mohd Othman. (2012). *Metode Pentafsiran Golongan Islam Liberal Terhadap Ayat-ayat Al-Qur'an*. Dlm. *Islam Liberal: Isu dan Reaksi*. Hlm. 59-75. Jabatan Agama Islam Selangor.

Mohamad Zaidi Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli, Abdul Karim Ali. (2009). *Telaah Hubungan Muslim-Non dan Muslim dari Perspektif Pemikiran Islam Liberal*. Dlm. *Islam Liberal: Isu dan Cabaran*. Hlm. 209-220. Persatuan Ulama' Malaysia.

Mohammad Kamil Ab Majid et al. (2012). *Wasatiyyah Islam: Antara Liberalisme & Konservatisme Di Malaysia*. Pekan Ilmu Publications.

Mohd Nasir Umar. (2012). *Pengaruh Fahaman Islam Liberal di Indonesia dan Malaysia*. Dlm. *Islam Liberal: Isu dan Reaksi*. Hlm. 2-16. Jabatan Agama Islam Selangor.

- Mokhtar Shafii. (2012). Islam Liberal Dari Perspektif Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. Dlm. Islam Liberal: Isu dan Reaksi. Hlm. 147-178. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Muhammad Atiullah bin Othman & Mohd Noor bin Daud. (2011). Kecelaruhan Fahaman Liberal Dalam Fiqh: Satu Kajian Mengenai Hukum Wanita Islam Berkahwin Dengan Non-Muslim. Dlm. Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia. Hlm. 135-144. Persatuan Ulama Malaysia.
- Muhammad Atiullah Othman. (2013). Wacana Pemikiran Reformis: Pemikiran Liberal dalam Gerakan Islam. <http://www.scribd.com/doc/207735335/Liberal-Dalam-Gerakan-Islam> [19 Ogos 2014].
- Muhammad Nazreen Jaafar. (2012). Islam Progressif: Wacana Kritis terhadap Pemikiran Keagamaan dan Keintelektualan Muslim - 1. Dlm. Wacana Pemikiran Reformis. Hlm. 189-194. Islamic Renaissance Front.
- Muhd Najib Abd. Kadir, Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Jaafary Awang, Fadlan Mohd Othman, Azalina Tatar. (2012). Isu-isu Wanita Menurut Aliran Fahaman Islam Liberal. Dlm. Islam Liberal: Isu dan Reaksi. Hlm. 107-123. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Qaradawi, Yusuf. (1993). al-Hill al-Islami Faridatan wa Dharuratan. Maktabah Wahbah.
- _____. (1993). Malamih al-Mujtamac al-Muslim allazi Nunshiduh. Maktabah Wahbah.
- _____. (1993). Al-Hulul al-Mustawradah. Maktabah Wahbah.
- _____. (1998). Al-Siyasah al-Syarciyyah fi Daw' Nusus al-Sharicah wa Maqasidiha. Maktabah Wahbah.
- Siddiq Fadzil. (2009). Pengantar. Dlm. Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Wan Salim Mohd Noor. (2009). Pluralisme Agama: Kritikan Terhadap Pemikiran Islam Liberal. Dlm. Islam Liberal: Isu dan Cabaran. Hlm. 55-72. Persatuan Ulama' Malaysia.